



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI KEDAH**

Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit  
06550 ALOR SETAR  
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000  
Faks : 04-7001011/1068/1021  
Helpdesk : 04-7352849/4012  
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj.Kami : ANM/KD/OPS/126 Jld.9 (48)  
Tarikh : 27 Oktober 2022

**PERINGATAN 1**

**Semua Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di bawah Seliaan  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Kedah**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERINGATAN PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI AMANAH BAGI BULAN  
SEPTEMBER 2022**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 4 Tahun 2021 telah menggariskan dengan jelas **peraturan dan tanggungjawab PTJ** mengenai **tatacara pengurusan Kumpulan Wang Amanah** bagi mengesahkan transaksi telah diperakaukan dengan betul dan tepat kepada kumpulan wang amanah. **Garis Panduan Pengurusan Kumpulan Wang Amanah** adalah seperti pada **Lampiran A dan Lampiran B, SPANM Bil. 4 Tahun 2021**.

3. Walau bagaimanapun, semakan jabatan ini mendapati Jabatan/PTJ YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan masih **belum** mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Amanah bagi bulan **September 2022** kepada JANM Negeri Kedah untuk semakan. Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diingatkan bahawa Sijil Pengesahan Baki hendaklah dikemukakan ke jabatan ini **selewat-lewatnya pada 14 hari bulan pada bulan berikutnya**.

4. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi pegawai di Unit Akaun **Puan Hanida Bt Abdul Hajat di talian 04-7001000 (samb.187)**.

5. Kerjasama dan tindakan segera daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/ Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ROGAYAH BINTI MUSTAFA C.A.(M))**  
**Penolong Pengarah Kanan**  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Kedah Darul Aman